

Utama pemimpin amanah, berwawasan

Parlimen sudah dibubarkan dan bahang pilihan raya umum yang sudah lama dirasakan kini semakin hangat. Rakyat harus bijak memilih pemimpin agar masa depan negara terjamin dan tidak jauh ketinggalan berbanding negara lain.

Rakyat perlu berhati-hati dalam membuat pilihan individu untuk dijadikan pemimpin. Pelbagai hujah politik sudah didengar dan kini terserah kepada rakyat untuk membuat keputusan bijak.

Usah terpedaya janji manis

Rakyat akan menjadi mangsa sekiranya masa depan diperdikan oleh pemimpin yang tidak berkelayakan dan tidak mampu untuk membawa perubahan.

Keputusan yang dibuat bakal memberi impak besar kepada generasi akan datang

dan jangan sesekali mudah terpedaya dengan janji manis dan fitnah jahat yang dilemparkan oleh segelintir pihak tidak bertanggungjawab.

Pilihan raya umum adalah proses memilih pemimpin dan kita tidak dapat mengelak daripada membicarakan mengenai

“

Malaysia memerlukan pemimpin hebat iaitu mereka yang berintegriti, berani, berwawasan, bermoral tinggi dan berakhlak serta boleh bertoleransi yang tidak mendatangkan kemudharatan kepada agama dan negara”

integriti calon dan parti yang bakal membentuk kerajaan dan mentadbir negara.

Rakyat sebagai penentu perlu lebih bijak dan matang untuk memilih. Emosi atau sentimen kepartian melampau perlu dijauhkan. Ramai calon pilihan raya yang boleh menjadi pemimpin tetapi tidak ramai yang boleh menjadi pemimpin yang hebat.

Pemimpin berwawasan

Malaysia memerlukan pemimpin yang hebat iaitu mereka yang berintegriti, berani, berwawasan, bermoral tinggi dan berakhlak. Malaysia juga memerlukan pemimpin yang boleh bertoleransi dalam hal yang tidak mendatangkan kemudharatan kepada agama dan negara.

Dalam aspek ini mungkin kita boleh merujuk kepada pendapat yang menyatakan

mengenai dua kriteria utama pemimpin, iaitu kuat dan beramanah. Kedua-dua sifat ini terlalu luas pengertiannya. Memadailah jika dinyatakan bahawa ia merujuk kepada pemimpin yang memegang tanggungjawab sebagai keistimewaan dan bukan menjadikan kedudukannya sebagai pemimpin untuk kebanggaan atau kemewahan.

Pemimpin yang berpegang kepada amanah akan membuat kita berasa selamat. Negara juga boleh kekal aman, sejahtera dan makmur dari segi ekonomi, sosial dan politik.

Pemimpin sebegini juga boleh memberikan kita keyakinan dan kepercayaan kerana keamanan dan kelangsungan kejayaan negara bergantung kepada perasaan selamat.

Muhammad Naquiddin Nizam
USIM